



Idris dan Khairy bersama mahasiswa/wi UMP selepas dialog.

TN50 UMP sasar golongan belia

Dialog TN50 bersama kalangan mahasiswa diteruskan dengan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Gambang menjadi destinasi baru-baru ini.

Bertempat di Kompleks Sukan UMP, dialog bertajuk *Ke Arah Sistem Pendidikan Terbaik Di Dunia* kali ini dikendalikan dua orang moderator iaitu Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris

Jusoh dan moderator bersama, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

Kepentingan pelaburan dalam bidang penyelidikan sains dan pendidikan pengurusan kesihatan mental di kalangan belia serta pendidikan menyeluruh agar tiada anak muda tercicir daripada sistem pendidikan merupakan antara aspirasi bernas disampaikan lebih 4,000 belia pada dialog kali ini.



Pendidikan pengurusan kesihatan mental dalam kalangan belia, antara aspirasi bernas disuarakan peserta.